

09/03/2002

Calon BN DUN Ketari diumumkan lebih awal

Sariha Mohd Ali

BENTONG, Jumaat - Gerakan dijangka menghantar nama calon yang akan mewakili Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari, kepada Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa hari lagi.

Pengerusi BN Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata selepas dipersetujui Dr Mahathir, nama calon berkenaan akan diumumkan.

"Insya-Allah, calon BN bagi pilihan raya DUN Ketari akan diumumkan lebih awal berbanding yang dilakukan sebelum ini.

"Jadi kita menyerahkan kepada Gerakan untuk membuat keputusan memilih calon sesuai. Ia mungkin memerlukan dua atau tiga hari lagi sebelum menyerahkan nama calon itu untuk diputuskan Dr Mahathir," katanya di sini hari ini.

Malam Rabu lalu, DAP mengumumkan Choong Siew Onn, 34, sebagai calonnya untuk bertanding di DUN Ketari. Choong sebelum ini pernah dua kali bertanding di DUN sama iaitu pada pilihan raya umum 1995 dan 1999.

Bagaimanapun, dalam dua pilihan raya berkenaan, Choong ditewaskan calon BN Datuk Loke Koon Kam, yang meninggal dunia petang Ahad lalu.

Mengulas sama ada Gerakan mungkin menghadapi masalah memilih calon sesuai bagi mengekalkan kerusi DUN Ketari, beliau berkata, perkara itu tidak timbul kerana ia boleh diatasi menerusi mesyuarat yang diadakan.

"Biarlah Gerakan menentukan calon itu dulu dan kita menunggu sehingga pengerusi parti memutuskannya secara rasmi," katanya.

Sementara itu, perbincangan membabitkan pemimpin BN juga akan diadakan bagi mengenal pasti strategi terbaik yang bakal digunakan parti itu dalam pilihan raya kecil itu.

Beliau berkata, strategi dijangka berbeza berbanding cara yang digunakan di DUN Indera Kayangan, Perlis kerana kedua-dua tempat itu mempunyai komposisi penduduk dan isu berlainan.

Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang berkata, BN akan mengkaji strategi yang sesuai berdasarkan keadaan tempat dan senario politik di sini.

(END)